Soalan No:111

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 25.5.2016

SOALAN :

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah sekolah di Sarawak yang dikelaskan sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM) dan apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data semasa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), jumlah Sekolah Kurang Murid (SKM) iaitu berenrolmen di bawah 150 orang murid di negeri Sarawak adalah sebanyak 847 buah sekolah termasuk sebuah sekolah yang beroperasi tanpa murid iaitu SJKC Kai Ming, Maradong. Sehubungan itu, KPM telah mencadangkan pelan tindakan khusus sebagai langkah menangani isu SKM, iaitu:

1. Pemberhentian operasi SKM berkenaan dan menyuraikan murid ke sekolah yang berhampiran;
2. Penggabungan SKM yang sama aliran dalam radius 5 hingga 10km;
3. Memindahkan SKM berkenaan ke lokasi baharu yang mempunyai keperluan kemudahan sekolah;
4. mengekalkan SKM di tempat sedia ada kerana tiada sekolah lain berhampiran dan terdapat keperluan sekolah di kawasan tersebut seperti di kawasan pedalaman; dan
5. Mewujudkan kelas bercantum bagi sekolah yang perlu kekal di kawasan berkenaan.

Walau bagaimanapun, KPM mengambil pendekatan berhati-hati dalam melaksanakan langkah tersebut. Ini disebabkan sebarang penutupan, perpindahan

dan pencantuman SKM tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya, sebaliknya memerlukan penelitian mendalam. Pertimbangan tentang jarak, kemudahan pengangkutan, kesediaan kanak-kanak untuk bersekolah di sekolah baharu serta pandangan ibu bapa dan masyarakat setempat turut juga diambil kira.

RJM71